

LIFE INSURANCE ASSOCIATION OF MALAYSIA
Name of Newspaper : UTUSAN MALAYSIA
Section : Bisnes
Date : 12 Ogos 2015

LIAM yakin 75 peratus pemegang polisi

Oleh NABIL BASARUDDIN
dan FARHANA JONI
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 OGOS

PERSATUAN Insurans Hayat Malaysia (LIAM) optimis jumlah pemegang polisi bagi insurans hayat di negara ini akan menunjukkan peningkatan memberangsangkan kepada 75 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif LIAM, Toi See Jong berkata, setakat ini hanya 55 peratus rakyat negara ini memiliki polisi insurans hayat dan taburannya adalah terutama di kawasan bandar-bandar utama di setiap negeri.

Menurut beliau, pihaknya yakin sasaran untuk mencapai 75 peratus pemegang polisi pada tahun 2020 adalah sesuatu yang begitu diharapkan dengan pelbagai inisiatif giat dilakukan dalam meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pentingnya penggunaan insurans hayat.

Katanya, media turut memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat dan kefahaman yang betul terhadap masyarakat mengenai insurans hayat.

"Malah, kita juga boleh lihat dengan trend pembelian polisi



Malah, kita juga boleh lihat dengan trend pembelian polisi insurans hayat pada masa kini ia menunjukkan masyarakat semakin terbuka dalam memilih insurans hayat untuk dijadikan pelan dalam perancangan hidup mereka."

TOI SEE JONG
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif LIAM

insurans hayat pada masa kini ia menunjukkan masyarakat semakin terbuka dalam memilih insurans hayat untuk dijadikan pelan dalam perancangan hidup mereka.

"Pengguna kini lebih bijak dan yakin dalam menyusun perancangan perlindungan mereka pada masa depan. Kita bukan berharap untuk ditimpa sebarang musibah namun ia adalah sebagai aset yang boleh digunakan sewaktu kece-

masan kelak," katanya kepada *Utusan Malaysia* dalam majlis Jamuan Hari Raya dan Sumbangan LIAM bersama anak-anak yatim dari Rumah Hope dan Rumah Penyayang di Dewan Besar Utusan Melayu (M) Berhad di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad; Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Hassan Mohd. Noor dan Timbalan Naib Presiden LIAM, Wilson Tang.

Tambah See Jong, pelaksanaan program-program berkonsepkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) juga berpotensi untuk menarik orang ramai melibatkan diri dalam sektor insurans hayat tempatan.

Jelasnya lagi, permintaan dan perawatan terhadap insurans hayat negara yang semakin memberangsangkan membuktikan bahawa segmen berkenaan mampu melakar kejayaan cemerlang pada masa depan seterusnya membantu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi secara berkesan.

"Melalui pelaburan dalam insurans hayat, ia turut mendidik kita untuk lebih pandai merancang bagaimana untuk menguruskan kewangan yang akan digunakan sebagai perlindungan pada masa hadapan dengan lebih terancang dan sistematis," katanya.



TOI SEE JONG (tengah) menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dalam Majlis Jamuan dan Sumbangan Hari Raya di Dewan Besar Utusan, Jalan Utusan, Kuala Lumpur, semalam. Turut sama, Othman Mohamad (kanan) dan Hassan Mohd. Noor (tiga dari kanan). - UTUSAN/RUSHDI SALLEH